



SISWA siswi UMS bersama sebahagian komuniti Kampung Kuala Kahaba.



MOHD Syaabanizam menyerahkan sijil kepada Ketua Kumpulan UPM.

Menyelami situasi pendidikan di pedalaman

UB 10-1-2017 B1

Oleh JOHAN AZIZ

► 100 sertai Program Retreat UMS di SK Kuala Kahaba Keningau

“Saya yakin dengan komitmen tinggi pihak UMS dalam membantu kemajuan pendidikan luar bandar melalui pelbagai program termasuk retreat ini, akan membantu pembangunan pendidikan anak-anak kita di luar bandar dengan perkongsian pintar yang berterusan ini.”

PRANCHIS ANDIN

Guru Besar SK Kuala Kahaba

Persatuan Warga Prihatin Sabah (SUEC) dan beberapa pelajar HT18 Tahun 4.

Beliau berkata sepanjang program berlangsung, beberapa modul mata pelajaran kritikal iaitu Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains turut dibentangkan kepada pelajar tahap dua yang bersandarkan konstruktivisme dengan melibatkan pelbagai aktiviti yang menarik serta menyeronokkan yang mampu menarik minat serta motivasi mereka untuk belajar.

Katanya antara modul-



PERSEMBAHAN tarian tradisi Murut daripada komuniti Kampung Kuala Kahaba.

yang menarik ialah Sains di mana pelajar berpeluang menjalankan pelbagai eksperimen seperti roket belon dan pergerakan kereta mainan bagi membina pengetahuan mereka mengenai daya tenaga dan daya geseran.

Inggeris pula, para pelajar mengikut peranan masing-masing.

“Tidak ketinggalan juga modul Matematik yang melakukan pelbagai aktiviti seperti Sifir Muka Jam dan Teknik Mudah Jisim dan KOTTS,” katanya.

Khalid berkata turut mendapat perhatian ialah aktiviti asimilasi iaitu Jungle Trekking dan mendaki bukit yang memberi peluang kepada-



PRANCHIS menyerahkan hamper kepada kumpulan UM pedalaman.

Katanya antara bukit yang telah didaki ialah Bukit Kalam buku, Bukit Manisil 1, Bukit Manisil 3, Bukit Molsok dan Bukit Botak.

Sementara itu, berucap merasmikan program itu, Guru Besar SK Kuala Kahaba yang juga pelajar Program Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan UMS Pranchis Andin berkata program itu yang dilaksanakan oleh pihak UMS memberi impak tinggi ke arah merealisasikan pendidikan abad ke-21, dengan pendedahan kemahiran serta kaedah pengajaran yang menguji aras pemikiran tinggi murid melalui aktiviti yang dilaksanakan.

“Saya ingin

komitmen tinggi pihak UMS dalam membantu kemajuan pendidikan luar bandar melalui pelbagai program termasuk retreat ini, akan membantu pembangunan pendidikan anak-anak kita di luar bandar dengan perkongsian pintar yang berterusan ini,” katanya.

Pengarah Retreat Mohd Syaabanizam Lampi dalam ucapannya menyuarakan harapan bagi kejayaan murid-murid SK Kuala Kahaba walaupun mereka tinggal jauh di pedalaman.

Para peserta dalam kalangan siswa dan siswi berpendapat pelbagai pengalaman dan pengetahuan baharu bukan sahaja mengenai pendidikan dan kehidu-

pan komuniti di kawasan pedalaman tetapi juga dari segi pengurusan program serta kerjasama baik bersama komuniti Kampung Kuala Kahaba.

Hadir sama pada program itu ialah Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kuala Kahaba Sokilim Andamat, Penolong Kanan 1 Jaurin Madasin, Pengerusi JKKK Manuil Labansin serta penduduk setempat.

Majlis itu dimeriahkan lagi dengan persembahan Malam Kebudayaan Komuniti, persembahan tarian kumpulan tarian lestari Kahaba, koir AJK Pelaksana dan penyampaian hadiah kumpulan murid sebagai peserta.

LEBIH 100 peserta terdiri daripada siswa dan siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS), warga SK Kuala Kahaba, Keningau, serta penduduk Kampung Kuala Kahaba telah menyertai Program Retreat UMS yang diadakan di sekolah itu, baru-baru ini.

Program bertemakan ‘Scaling Up Education in Community’ itu adalah anjuran Program Pendidikan dengan Ekonomi (HT18), Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

Program selama empat hari itu bertujuan memberi peluang kepada siswa dan siswi mendapat pendedahan awal situasi pendidikan dan iklim kehidupan sebenar masyarakat di pedalaman, terutama yang tidak pernah menjejakkan kaki di kawasan luar bandar.

Penyelaras Program Pendidikan dengan Ekonomi (HT18) Tahun 3 Prof Madya Dr Khalid Johari berkata selain impak tinggi kepada bakal guru, ia juga menyumbang bakti kepada pelajar luar bandar serta komuniti kampung yang berpeluang mendapat suntikan semangat dan perkongsian ilmu daripada peserta.

Turut membantu dalam program itu ialah sukarelawan

SESI Pembelajaran Modul Sains Eksperimen Roket Belon.



SESI Pembelajaran Modul Bahasa Inggeris.



SEBAHAGIAN siswa siswi yang mengikuti aktiviti Jungle Trekking.